

BAB 3

METHODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Kaedah kajian kes secara kualitatif telah dipilih sebagai pendekatan untuk kajian ini. Di dalam bab ini penyelidik akan menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan methodologi penyelidikan untuk kajian ini yang dilakukan secara kualitatif. Huraian ini adalah meliputi perkara-perkara berkaitan dengan sebab mengapa kaedah kajian kes dipilih, pemilihan lokasi kajian, pemilihan peserta kajian, bagaimana penyelidik memasuki tempat kajian, penetapan tempoh kajian, penentuan prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisan data yang menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif.

Pemilihan Kaedah Kajian Kes

Sebelum penyelidik memutuskan untuk memilih kaedah kajian kes secara kualitatif sebagai methodologi kajian, terdapat beberapa persoalan utama yang harus diambil kira dari aspek berikut:

- (1) Adakah tajuk dan bidang yang akan dikaji ini sesuai dengan kaedah kajian kes secara kualitatif?

Aspek pertama ini adalah berkaitan dengan kesesuaian pemilihan kaedah kajian kes dengan tajuk kajian. Dari sudut tajuk, kajian ini adalah berkenaan dengan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di sebuah sekolah menengah. Perkataan '*proses*' di dalam tajuk ini merujuk kepada amalan, aktiviti dan kegiatan yang berlaku secara berterusan, berurutan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ia sudah tentu melalui beberapa prosedur dan langkah yang tertentu yang memerlukan kepada konteks yang sebenar, spesifik dan tinjauan yang mendalam untuk menghasilkan penghuraian secara deskriptif yang lengkap bagi menggambarkan proses berkenaan.

Dalam konteks ini penyelidik perlu berperanan sebagai instrumen utama yang perlu hadir sendiri di tempat kajian bagi meneliti dan mengutip data yang diperlukan. Oleh itu, method kajian kes secara kualitatif adalah dianggap sesuai untuk keperluan kajian ini selaras dengan tabiat kajian yang memerlukan suasana yang berbentuk realistik, semulajadi, mengharapkan perspektif *emic*, bersifat holistik, memerlukan penghuraian secara deskriptif dan juga bersifat *grounded theory* (Merriam, 1990; Bogdan & Biklen, 1998). Justeru, maka sebuah sekolah menengah telah dipilih sebagai satu tempat kajian untuk tujuan menjalankan kajian kes ini.

- (2) Adakah persoalan kajian yang dinyatakan sesuai dan memerlukan kaedah kajian kes sebagai methodologi kajian?

Aspek kedua pula ialah berkenaan dengan kesesuaian pemilihan kaedah kajian kes dengan soalan kajian yang telah ditetapkan. Dari sudut persoalan kajian, penyelidik telah menggariskan persoalan utama kajian ini ialah untuk meninjau tentang: "*Bagaimanakah guru mengamalkan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di dalam bilik darjah*". Persoalan '*bagaimana*' yang dinyatakan di sini tidak boleh dijawab oleh kajian secara kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada para responden. Oleh itu, bagi menjawab persoalan kajian ini penyelidik akan turut meneliti secara mendalam dalam konteks semulajadi daripada kaca mata peserta kajian dengan menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif berkenaan dengan perkara-perkara berikut, iaitu: (1) Apakah mod amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang diamalkan oleh guru?, dan (2) Apakah tujuan sebenar guru menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

Oleh itu, pemilihan kaedah kajian kes secara kualitatif adalah dianggap sesuai untuk menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan oleh penyelidik.

Pemilihan Tempat Kajian

Pemilihan tempat kajian menjadi tonggak yang penting di dalam menetapkan reka bentuk kajian kes secara kualitatif. Menurut Bogdan dan Biklen (1992), pemilihan tempat kajian adalah bertujuan untuk penyelidik mengutip data kajian.

Pemilihan tempat kajian memerlukan kriteria asas yang penting iaitu dari segi lokasinya. Mengikut Marohaini Yusoff (2001) lokasi tempat kajian perlulah sesuai, mudah ditujui dan dekat dengan tempat tinggal penyelidik. Prasyarat ini amat penting bagi memudahkan penyelidik menjalankan kajiannya bermula dengan proses memasuki lapangan kajian pada hari yang pertama.

Menurut Spradley (1980) dan Jorgensen (1989) yang dipetik di dalam Marohaini Yusoff (1998); terdapat empat kriteria utama dalam menetapkan pemilihan tempat kajian, iaitu: (1) sifat dan tujuan kajian, (2) *simplicity* tempat, kemasukan dan kebenaran, (3) kemudahan dan peluang, dan (4) saiz tempat kajian atau sekolah.

Untuk menjalankan kajian ini, penyelidik memilih sebuah sekolah menengah sebagaimana yang dinyatakan di dalam tajuk kajian ini. Sekolah menengah yang terpilih menepati kehendak kajian merupakan satu ciri penting untuk kajian ini dan selaras dengan ciri-ciri kualitatif kaedah kajian. Ini kerana pemilihan tempat kajian ini mengambil kira sekolah berkenaan ada menawarkan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi untuk Tingkatan 1 atau tidak? Mempunyai pelajar-pelajar yang sedang mengikuti aktiviti pembelajaran, mempunyai sekurang-kurangnya

seorang guru yang terlatih, mahir dan pakar di dalam bidang pengajaran untuk mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

Pemilihan hanya sebuah sekolah bagi menjalankan kajian ini juga akan membolehkan penyelidik mempunyai banyak masa di satu tempat dan dapat menyelidik secara mendalam dan terperinci segala data yang akan muncul atau terbit secara '*emergent*'.

Selain daripada mempertimbangkan kriteria pemilihan tempat kajian, iaitu sebuah sekolah menengah yang menawarkan Bahasa Arab Komunikasi; satu lagi faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam kajian ini adalah berkenaan dengan ciri-ciri sebuah tempat kajian yang baik serta personaliti utama (*gate keeper*) yang boleh membantu memudahkan tugas penyelidik. Ini kerana sebuah sekolah yang walau bagaimana baik sekali pun, tetapi jika pengetua dan pihak pentadbirnya tidak dapat membantu, maka ia bukanlah merupakan sebuah tempat kajian yang baik untuk sebuah kajian kes secara kualitatif seperti ini.

Oleh itu pada pandangan penyelidik, sekolah ini adalah sesuai kerana semasa penyelidik menentukan tajuk dan kaedah penyelidikan untuk kajian ini, penyelidik telah mendapat maklumat berkenaan dengan sebuah sekolah menengah berasrama penuh aliran agama yang baru dibuka sejak setahun yang lalu ada menawarkan Bahasa Arab Komunikasi dan kedudukannya adalah berhampiran dengan tempat tinggal penyelidik iaitu lebih kurang lima kilometer. Penyelidik juga cuba mendekati tempat kajian ini dengan pergi ke sekolah ini untuk menunaikan sembahyang Jumaat kerana di sini terdapat sebuah masjid yang digunakan oleh penduduk sekitar pada hari

Jumaat. Dalam masa inilah, penyelidik dapat membuat pemantauan awal untuk pemilihan sebuah tempat kajian yang baik.

Penyelidik juga mendapati proses keluar masuk ke sekolah ini adalah mudah walaupun mempunyai pengawal keselamatan di pintu masuknya. Pengetua sekolah ini juga mengikut maklumat penyelidik yang diperolehi daripada beberapa orang guru sekolah melalui perbualan yang tidak formal adalah merupakan seorang yang peramah dan senang berurusan. Dalam masa yang sama penyelidik telah mengenal pasti seorang kenalan lama (Ustaz Aziz – nama samaran) yang sedang mengajar di sekolah ini dan beliau adalah merupakan Ketua Panitia Bahasa Arab di sekolah berkenaan. Bagi penyelidik, ini adalah satu permulaan yang baik dalam pemilihan tempat kajian ini.

Memasuki Lapangan Kajian

Memasuki lapangan kajian sebenar adalah satu perkara yang amat penting dalam sebuah kajian kes. Proses pengutipan data, menganalisis data dan membuat catatan refleksif adalah bermula dengan lawatan pertama penyelidik ke tempat kajian. Pengalaman pertama penyelidik bersama pihak pentadbir sekolah, peserta kajian dan pihak yang berkaitan amat membantu langkah berikutnya di dalam kajian ini (Merriam, 1990; Bogdan & Biklen, 1992; Marohaini Yusoff, 2001)

Permulaan kajian ini dilakukan dengan kehadiran penyelidik buat kali pertama ke tempat kajian dan berjumpa dengan pengetua sekolah pada waktu pejabat.

Penyelidik tidak menelefon pengetua terlebih dahulu. Pada perjumpaan pertama penyelidik menghadapi sedikit masalah kerana setelah memperkenalkan diri dan memulakan perbualan dengan pengetua, penyelidik menyatakan hasrat untuk menjalankan kajian berkenaan dengan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetua pada peringkat awalnya menyatakan sekolahnya yang baru dan belum pernah menduduki peperiksaan awam seperti PMR atau SPM dan mempersoalkan kesesuaian sampel untuk kajian ini.

Penyelidik menjelaskan bahawa kajian ini tidak akan mengaitkan dengan keputusan peperiksaan awam. Tetapi sebaliknya ia hanya memfokuskan kepada aspek pentaksiran dan penilaian yang dilakukan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ia hanya menumpukan untuk satu kelas tingkatan 1 bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi sahaja. Lalu pengetua bersetuju kerana di sekolahnya ada beberapa orang guru yang mengajar untuk mata pelajaran berkenaan. Tetapi pada pengamatan penyelidik suasana agak tidak begitu baik pada masa itu kerana pertama kali semasa penyelidik mengemukakan cadangan, penyelidik telah disoal dengan beberapa persoalan yang seolah-olah mencabar keyakinan penyelidik.

Dalam catatan refleksif penyelidik rasa agak tercabar dan kurang senang sedikit dengan keadaan ini. Walaupun masih berharap untuk memilih sekolah ini sebagai tempat kajian, tetapi pengalaman pertama ini membuatkan penyelidik terpaksa memikirkan cadangan alternatif jika perlu. Keadaan ini juga mungkin

berlaku kerana disebabkan penyelidik tidak membuat panggilan telefon terlebih dahulu.

Menurut Marohaini Yusoff (2001), penyelidik perlu mendapat persetujuan dan cara terbaik ialah dengan membuat panggilan telefon. Penyelidik boleh menilai setakat manakah kesediaan pengetua sesebuah sekolah melalui perbualan telefon.

Meninjau Tempat Lain

Keadaan yang berlaku pada pengalaman pertama ini telah mendorong penyelidik untuk meninjau beberapa sekolah lain sebagai cadangan kedua atau ketiga. Dalam tempoh sebulan, penyelidik juga turut berkunjung secara tidak formal ke sebuah sekolah menengah kebangsaan lain yang turut menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sg. Buloh, Selangor untuk meninjau kemungkinan menjadikannya sebagai tempat kajian. Penyelidik mendapat maklumat berkenaan sekolah tersebut selepas menelefon Pejabat Pendidikan Daerah Gombak bagi memastikan sama ada sekolah tersebut ada menawarkan mata pelajaran yang dikehendaki.

Kali ini, penyelidik pergi ke sekolah berkenaan juga tanpa membuat panggilan telefon kepada pengetuanya terlebih dahulu. Ini adalah kerana penyelidik tidak berhajat untuk bertemu pengetua. Tetapi sebaliknya penyelidik hanya ingin melihat kesesuaian tempat dari segi jarak dan kemudahan untuk penyelidik pergi menjalankan kajian. Namun begitu lokasi sekolah tersebut agak jauh berbanding sekolah yang

pertama tadi. Kemudian kedudukan sekolah berkenaan di atas bukit dan terpaksa merentasi jalan utama dari Kuala Selangor ke Sg. Buloh menyebabkan penyelidik terfikir kesesakan jalan raya yang agak teruk pada waktu pagi khususnya. Oleh itu penyelidik bercadang mencari alternatif lain untuk memilih tempat kajian yang lebih sesuai.

Penyelidik juga ada mendapatkan pandangan beberapa orang guru di sekolah lain yang turut mencadangkan sebuah sekolah menengah harian lain yang mempunyai Kelas Aliran Agama di Selayang dan sebuah lagi sekolah menengah agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Negeri Selangor di bandar Rawang. Kedua-dua sekolah ini ada menawarkan Bahasa Arab Komunikasi. Tetapi penyelidik menolak cadangan ini kerana masalah jarak lebih jauh dan kesesakan jalan raya yang lebih teruk akan dihadapi.

Percubaan Kedua

Selepas sebulan berlalu, penyelidik membuat panggilan telefon kepada pengetua sekolah yang pertama tadi dan menyatakan hasrat untuk membuat sebuah kajian kes di sekolahnya. Penyelidik juga merujuk kepada lawatan kali pertama penyelidik tempoh hari. Syukur alhamdulillah, panggilan telefon itu disambut dengan baik dan pengetua menjemput penyelidik datang ke sekolah. Melalui perbualan telefon, beliau menyatakan kesediaan dan turut mencadangkan seorang gurunya yang pernah mendapat anugerah cemerlang kerana berjaya membimbing pelajar di

Tingkatan 3 di dalam mata pelajaran Bahasa Arab komunikasi mendapat pencapaian 100% lulus di dalam PMR selama tiga tahun berturut-turut.

Sebelum penyelidik memasuki lapangan kajian untuk kali kedua secara rasmi, penyelidik sempat berbual dan menyatakan hasrat ini kepada Ustaz Aziz (kenalan lama penyelidik dan juga Ketua Panitia Bahasa Arab di sekolah berkenaan) yang dianggap oleh penyelidik sebagai salah seorang daripada '*key informant*' dalam kajian kes ini. Beliau berjanji akan turut memberi bantuan untuk saya menjalankan kajian.

Pengetua sebagai '*Gate Keeper*'

Semasa penyelidik memasuki pejabat sekolah berkenaan iaitu pada hari yang telah ditetapkan bersama pengetua, penyelidik disambut dengan baik dan pengetua terus mencadangkan Ustazah Siti (nama samaran) untuk menjadi peserta kajian.

Pengetua menjelaskan bahawa sebelum Ustazah Siti bertugas di sekolah ini, beliau telah mencatatkan prestasi yang cemerlang semasa mengajar di sekolah lama kerana berjaya mengekalkan kejayaan 100% di dalam PMR bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi selama tiga tahun berturut-turut. Perkara ini turut dipastikan oleh penyelidik melalui maklumat yang diperolehi daripada Ustaz Aziz dan juga Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang sama-sama bertugas di sekolah yang sama dengannya sebelum berhijrah ke sekolah ini.

Di dalam pertemuan secara rasmi di pejabat sekolah itu, pengetua telah memanggil Ustazah Siti untuk diperkenalkan kepada penyelidik. Namun begitu, penyelidik masih belum memutuskan untuk memilih beliau secara mutlak walaupun telah dicadangkan oleh pengetua sekolah itu sendiri. Cadangan pengetua bukanlah muktamad di dalam membuat keputusan di dalam kajian kes seperti ini. Ini kerana, penyelidik perlu terlebih dahulu meneliti beberapa kriteria tertentu yang ada pada bakal peserta kajian sebelum memutuskan untuk dipilih selaras dengan keperluan sebuah kajian kes secara kualitatif.

Menurut Merriam (1990), pemilihan peserta kajian yang baik perlulah mencakupi aspek kepakaran di dalam bidang yang dikaji (*expert*), mempunyai kebolehan bercakap untuk menghuraikan pendapat dari perspektif *emic* (*expertist*) dan juga bersedia untuk membantu penyelidik mendapatkan data untuk kajian (*willingness*).

Dalam konteks kajian ini, huraian tentang bagaimana saya membuat pilihan untuk menentukan peserta kajian akan dibentangkan di dalam sub-tajuk berkenaan sampel kajian di bawah.

Pemilihan Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian adalah satu lagi proses yang amat penting selepas menetapkan tempat kajian. Untuk mendapat data dan maklumat daripada perspektif *emic*; kesanggupan dan kesediaan peserta kajian amat penting sekali (Merriam, 1990).

Sebelum itu, kesediaan dan kesanggupan pengetua untuk memberi kebenaran adalah syarat pertama yang telah dipenuhi. Dalam hal ini, pengetua telah menjadi '*gate keeper*' dan sekaligus menjadi pemberi maklumat utama terhadap kewujudan seorang calon untuk dipilih sebagai peserta kajian.

Apabila penyelidik mendapat maklumat berkenaan dengan peserta kajian yang disarankan, penyelidik juga berpeluang berbual dengan dua orang rakan sejawat beliau iaitu Ketua Panitia Bahasa Arab dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah berkenaan dengan data peribadi dan sikap beliau. Penyelidik mula mempunyai keyakinan terhadap calon peserta kajian ini berdasarkan maklumat yang diperolehi. Namun begitu masih terlalu awal untuk penyelidik membuat keputusan untuk memilih peserta kajian.

Setelah penyelidik diperkenalkan dengan Ustazah Siti (bukan nama sebenar – cadangan peserta kajian), penyelidik sempat berbual secara tidak formal dengan beliau. Apabila dimaklumkan kepadanya tentang tujuan kedatangan penyelidik, beliau menyambut dengan baik. Ustazah Siti membahaskan dirinya dengan panggilan 'Kak Siti' (bukan panggilan sebenar) dan beliau membahaskan penyelidik dengan panggilan 'Ustaz'. Antara petikan perbualan tidak formal itu ialah beliau berkata: "*Kak Siti tak de masalah..., kalau ustaz nak datang bagi tahu dulu.*"

Semasa penyelidik memberitahu bahawa penyelidik datang untuk belajar dan mendapat maklumat daripada peserta kajian serta bukan bertujuan untuk mencerap atau memantau untuk tujuan 'penaziran', beliau sekali lagi menyatakan tiada halangan dan sedia membantu. Katanya, beliau juga ingin belajar daripada penyelidik

jika perlu. Penyelidik menjelaskan bahawa dalam kajian ini, peserta kajian adalah seorang yang pakar di dalam bidang yang akan dikaji. Kepakaran yang ada pada peserta kajian merupakan syarat penting dalam pemilihan peserta kajian.

Selaku seorang guru yang mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, maka peserta kajian adalah seorang yang mengalami sendiri setiap proses yang berlaku di tempat kajian secara semulajadi. Keadaan semulajadi dan naturalistik menjadi ciri penting kepada pemilihan beliau bagi tujuan untuk mendapat pandangan yang mendalam serta menyeluruh yang bersifat holistik daripada perspektif peserta kajian (*emic perspective*).

Dalam hal ini, penyelidik selaku instrumen kajian yang bersifat manusiawi akan memerhati, mengamati, menilai, mentaksir, menyoal dan meneroka sepenuhnya data-data dan prinsip yang tertanam (*embedded*) serta tersembunyi di dalam diri peserta kajian. Setiap gerak geri, percakapan, tindakan, pendirian dan luahan hati peserta kajian yang ditemui oleh penyelidik adalah merupakan data yang berharga dalam konteks kajian kes secara kualitatif seperti ini dan ia bersifat '*grounded theory*'.

Untuk kajian ini hanya seorang peserta kajian sahaja dipilih iaitu seorang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi bagi Tingkatan 1 di sekolah kajian. Peserta kajian yang terpilih ialah Ustazah Siti kerana berdasarkan temu bual tidak formal pertama itu, penyelidik mendapati beliau adalah seorang yang rajin bercakap. Satu perkara ditanya, beliau menghuraikan dengan panjang lebar. Ciri-ciri kepetahan beliau terbukti di dalam sebuah temu bual formal yang dirakamkan selepas

penyelidik selesai membuat satu pemerhatian. Contoh transkrip temu bual disertakan di dalam apendiks 4(a).

Penyelidik turut mendapatkan nombor telefon bimbit peserta kajian untuk memudahkan peserta kajian dihubungi. Bagi mengelakkan apa-apa masalah atau salah faham dan memudahkan urusan juga, penyelidik ada menghubungi suami peserta kajian dan memaklumkan pemilihan Ustazah Siti sebagai peserta kajian penyelidik.

Untuk meyakinkan diri penyelidik terhadap pemilihan peserta kajian, penyelidik juga mengadakan temu bual untuk kali kedua bersama dengan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang merupakan rakan sejawat peserta kajian semasa di sekolah lamanya sebelum ini. Menurutny Ustazah Siti adalah seorang yang tekun dan bersungguh-sungguh semasa mengajar. Semasa menjelaskan tentang peribadi Ustazah Siti, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) berkenaan berkata:

Dia membimbing pelajar... tak jemu-jemu, dia berjaya kekalkan 100% kejayaan BAK (Bahasa Arab Komunikasi) dalam PMR selama tiga tahun berturut-turut. Lepas tu bila saya ditawarkan jadi PK HEM sekolah ni, dan ada tawar BAK... saya calonkan nama dia kepada PPD (Pejabat Pendidikan Daerah Gombak) untuk pindah sama saya. Dia tak minta pun... Sini sekolah asrama penuh yang baru buka. Pelajar ni, kita kena bimbing dan latih dia secara berterusan. Ustazah Siti memang rajin, dia selalu bersama pelajar...

Hasil daripada beberapa maklumat yang saling menyokong di antara penerangan Pengetua, Ketua Panitia dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid tentang Ustazah Siti serta ditambah lagi dengan komitmen yang ditunjukkan oleh

beliau sendiri; maka penyelidik membuat keputusan untuk memilih beliau sebagai peserta kajian ini.

Penyelidik juga telah menjelaskan tentang tujuan kajian, prosedur kajian dan bentuk penglibatan peserta kajian serta implikasi penglibatannya terhadap proses pengutipan data bagi kajian ini kelak. Demikianlah secara ringkas bagaimana proses yang telah dilalui sebelum penyelidik secara muktamad membuat pemilihan peserta kajian untuk penyelidikan ini.

Tempoh Kajian

Mengikut keperluan sebuah kajian kes secara kualitatif yang baik, masa tidak boleh ditetapkan untuk penyelidik menamatkan kajiannya. Tahap yang diambil kira ialah bila penyelidik mencapai tahap '*point of saturation*', iaitu takat tepu dan tekal data yang diperolehi. Penglibatan penyelidik selaku instrumen kajian di dalam lapangan kajian sebenar secara semulajadi dalam tempoh yang lama '*prolonged engagement*' amat membantu dalam memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data dan dapatan kajian.

Namun begitu, bagi tujuan kajian ini, penyelidik tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk berada lama di dalam lapangan kajian. Di antara sebab kenapa penyelidik tidak dapat menjalankan proses pengutipan data secara '*prolonged engagement*' ialah kerana masa yang tidak mencukupi, jumlah tiga jam kredit yang dikhususkan untuk kajian ini perlu diagihkan kepada semua peringkat kajian di mana

pengutipan data adalah sebahagian daripada peruntukan masa ini, terdapat temu janji yang dibuat terpaksa dibatalkan kerana pelajar mengikuti program di peringkat sekolah dan peserta kajian terpaksa mengikuti kursus di luar kawasan.

Walaupun tempoh kajian ini amat pendek iaitu meliputi kehadiran penyelidik secara rasmi sebanyak lima kali sahaja, tetapi penyelidik telah cuba mengumpulkan data yang dikehendaki berkenaan amalan pentaksiran yang dilakukan oleh peserta kajian semasa beliau menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Penyelidik telah memanfaatkan sesi temu bual formal bersama peserta kajian dengan sebaiknya. Penyelidik juga ada membuat satu temu bual secara formal bersama enam orang pelajar yang mengikuti kelas peserta kajian.

Dalam tempoh kajian ini, penyelidik telah membahagikan lima sesi lawatan itu kepada tiga kali pemerhatian di dalam bilik darjah, dua sesi temu bual formal bersama peserta kajian, satu temu bual formal bersama enam orang pelajar secara serentak, beberapa kali perbincangan dan temu bual tidak formal bersama peserta kajian, tiga temu bual tidak formal bersama pengetua, dua temu bual tidak formal bersama Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan beberapa kali perbincangan dengan Ketua Panitia Bahasa Arab.

Peringkat Tempoh Pengutipan Data Kajian

Secara keseluruhannya tempoh pengutipan data untuk kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat yang penting yang telah dilalui sendiri oleh penyelidik sebagai instrumen kajian:

Peringkat pertama meliputi tempoh kajian sebelum penyelidik menjalankan pemerhatian di dalam kelas. Bagi peringkat ini penyelidik telah menjalankannya dengan cara lawatan pertama, pertemuan secara tidak formal, perbualan secara tidak formal dan perhubungan melalui telefon. Tujuan utama peringkat ini adalah untuk penyelidik mengenali dan memupuk hubungan dengan masyarakat di sekolah ini terutamanya pihak pentadbir. Walau bagaimanapun penyelidik tidak berjaya membina perhubungan yang akrab dengan semua ahli masyarakat sekolah ini seperti yang pernah dilalui oleh Marohaini Yusoff (1996) di dalam kajiannya kerana tempoh penyelidik berada di dalam lapangan kajian ini adalah tidak lama.

Peringkat kedua pula merupakan tempoh bagi penyelidik membuat pemilihan tempat kajian, menganalisis kesesuaian tempat, pemilihan peserta kajian dan mendapat kepercayaan pihak sekolah. Peringkat ini bermula dari lawatan kedua dan seterusnya.

Peringkat ketiga adalah merupakan peringkat yang terpenting dalam pengutipan data kajian melalui pemerhatian kelas dan temu bual dengan peserta. Pada peringkat inilah penyelidik berusaha untuk mendapat penghuraian yang mendalam berkenaan bagaimana amalan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dijalankan oleh peserta kajian di dalam bilik darjah. Pada peringkat ini bukan hanya peserta kajian yang diperhatikan dan ditemu bual, malah semua faktor yang berkaitan turut diambil kira termasuk bilik darjah, kelengkapan, suasana di dalam bilik, persekitaran, udara,

pelajar-pelajar, gangguan dari luar seperti guru lain datang meminta barang, kekangan masa, pertukaran masa temu janji dan sebagainya lagi.

Kaedah Pengutipan Data

Untuk kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah pengutipan data yang utama di dalam sebuah kajian kes secara kualitatif. Ia bertujuan untuk memperoleh seberapa banyak data berbentuk deskriptif bagi mendapatkan gambaran holistik dan naturalistik tentang bagaimana amalan pentaksiran yang dijalankan oleh guru semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 di dalam bilik darjah.

Untuk tujuan tersebut, tiga kaedah pengutipan data utama yang biasa digunakan dalam kajian kes secara kualitatif, iaitu; (1) bukti dokumen, (2) pemerhatian, dan (3) temu bual (Merriam, 1990; Bogdan & Biklen, 1992; Wiersma, 2000) akan digunakan pada sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Marohaini Yusoff (1998; 2001) juga mencatatkan bahawa Van Maanen (1982), Roskos dan Neuman (1995) serta Gay (1996) turut menyarankan tiga kaedah pengutipan data ini. Ketiga-tiga kaedah ini juga pernah digunakan dalam kajian Marohaini Yusoff (1996), Aini Hassan (1996), Esther Daniel (1999) dan lain-lain lagi (Marohaini Yusoff, 2001).

Ketiga-tiga kaedah pengutipan data ini amat sesuai digunakan kerana setiap satu daripadanya akan dapat mengukuhkan data-data yang akan diperoleh antara satu sama lain (Patton, 1987 dipetik daripada Marohaini Yusoff, 1996; 1998). Wiersma

(2000) menamakan kaedah pengukuhan antara data-data ini sebagai '*triangulation*' dan menghuraikan sebagai '*qualitative cross-validation*' yang boleh dilaksanakan antara sumber data yang pelbagai atau kaedah pengutipan data yang berbeza. Melalui triangulasi kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian akan lebih terjamin.

Pemerhatian

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian merupakan satu lagi kaedah utama yang akan digunakan dalam pengumpulan data. Kidder (1981) yang dipetik daripada Marohaini Yusoff (2001) menegaskan bahawa kaedah pemerhatian yang boleh digunakan sebagai satu alat penyelidikan adalah apabila ia dapat berfungsi sebagai tuju hala penyelidikan yang terancang, spontan, boleh direkodkan secara tersusun.

Oleh itu bagi memudahkan proses mencatat pemerhatian ini, penyelidik menyediakan satu lampiran borang khas untuk mencatat dan meneliti kegiatan yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Senarai jenis amalan pentaksiran yang diperolehi daripada kajian literatur juga dijadikan panduan oleh penyelidik untuk membuat pemerhatian. Namun begitu ia hanya panduan sahaja kerana matlamat utama pemerhatian dibuat ialah untuk melihat apakah amalan yang sebenar berlaku di dalam lapangan kajian secara semulajadi. Penyelidik telah cuba memastikan agar faktor semulajadi dan bersifat penemuan (*discovery*) itu dijadikan asas utama di dalam setiap pemerhatian yang dibuat.

Penyelidik juga membuat catatan lapangan semasa melakukan pemerhatian kelas. Untuk memastikan kenyataan lisan '*verbatim statement*' dapat dicatat sepenuhnya semasa proses pemerhatian, penyelidik turut merakam perbualan dan aktiviti pengajaran dengan pita rakaman audio sahaja. Walau bagaimanapun mutu rakaman adalah agak kurang baik kerana penyelidik meletakkan alat perakam di hadapan kelas dan kadang-kadang suara peserta kajian dan pelajar di dalam bilik darjah agak kurang nyata. Penyelidik tidak terlalu bergantung kepada rakaman semasa pemerhatian kerana tumpuan lebih diberikan terhadap apa yang dilihat, dirasai, didengari dan diperhatikan sendiri. Rakaman tersebut sebagai alat sokongan sahaja.

Rakaman video atau visual pula tidak dapat dilakukan walaupun ianya penting dalam mengkaji setiap perlakuan di dalam bilik darjah kerana kesuntukan masa dan tidak sempat menguruskan peminjaman alat perakam atau kamera video. Namun begitu sebagai satu latihan kerja lapangan yang ringkas untuk kajian ini, penyelidik merasakan pengalaman membuat pemerhatian adalah suatu suasana yang amat kritikal kerana setiap gerak geri, percakapan, reaksi, suasana, persekitaran, mod peserta kajian dan yang paling penting ialah kesediaan penyelidik sebagai alat kajian (instrumen utama) amat penting sekali.

Setiap perkara yang berlalu tanpa catatan dan penelitian yang wajar oleh penyelidik adalah satu kehilangan bagi data yang diperlukan. Oleh itu, keadaan bersedia dan penumpuan penyelidik amat penting bagi memastikan data deskriptif, holistik dan naturalistik dapat dikutip sebaik mungkin. Ia tidak boleh dirancang tetapi

sebaliknya timbul secara penemuan dan tidak mungkin berulang lagi. Contoh catatan lapangan pemerhatian, ringkasan pemerhatian, catatan pemerhatian disertakan di dalam apendiks 3.

Temu Bual

Temu bual adalah amat penting selain daripada bukti dokumen dan pemerhatian. Menurut Merriam (1990), kita menemubual manusia ialah kerana kita ingin mengeluarkan apa yang ada dalam diri mereka tentang apa yang kita tidak dapat perhatikan.

Menurut Patton (1980) yang dipetik di dalam Merriam (1990), kita tidak dapat memerhati perasaan, pemikiran, perhatian, kelakuan yang berkaitan dengan masa lampau yang memberi kesan kepada kehidupannya kini, situasi sebenar yang mungkin terhalang untuk dilihat secara semulajadi dengan kehadiran penyelidik. Kita juga tidak dapat memerhatikan bagaimana manusia menguruskan kehidupan dan dunianya serta kita juga tidak dapat memerhatikan makna-makna yang dikaitkan dengan apa yang berlaku di dalam kehidupannya.

Sebab itu, Merriam (1990) menjelaskan bahawa teknik pengutipan data untuk kajian kes secara kualitatif yang terbaik ialah melalui temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian.

Pengalaman penyelidik semasa menjalankan temu bual bersama peserta kajian ini ialah, penyelidik mendapati berbagai perkara yang tidak dirancang untuk ditanya

tetapi disentuh oleh peserta kajian. Apabila penyelidik mengulang soalan berkaitan perkara yang disebut itu, maka peserta kajian telah menghuraikan dengan panjang lebar dan dari sini penyelidik dapat mengutip data untuk kajian ini.


Sebagai contoh, semasa menjelaskan tentang pengalaman mengajar selama dua belas tahun bermula dengan penempatan pertama di Sarawak dan seterusnya berpindah ke sekolah lain. Peserta kajian menekan huraianya secara berulang-ulang dalam beberapa bentuk jawapan kepada soalan yang ditanya oleh penyelidik khusus tentang pengalamannya selama tiga tahun mengajar sehingga berjaya mengekalkan kejayaan 100% Bahasa Arab Komunikasi di dalam PMR. Beliau turut menceritakan bagaimana bimbingan demi bimbingan yang dilakukan berterusan dan berbagai teknik pengajaran yang pernah dilaluinya.

Melalui penceritaan yang agak jelas mengenai pengalaman beliau ini, penyelidik dapat membayangkan beberapa bentuk amalan pentaksiran yang dijalankan oleh beliau semasa mengendalikan pelajar-pelajarnya pada ketika itu.

Perkara yang hampir sama yang diperhatikan oleh penyelidik diamalkan oleh peserta kajian semasa menjalankan aktiviti pengajaran di dalam kelas. Kemudian beberapa penjelasan juga dipastikan oleh penyelidik melalui temu bual formal yang dilakukan bersama enam orang pelajar beliau di dalam sesi yang berikutnya. Dalam temu bual tidak formal penyelidik bersama Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah tersebut, penyelidik juga dapat menjejaki amalan yang hampir sama dilakukan oleh peserta kajian semasa beliau mengajar, pernah disebut oleh peserta

kajian sendiri semasa temu bual, dilihat oleh penyelidik semasa pemerhatian dan disahkan oleh pelajar-pelajarnya dalam temu bual bersama penyelidik.

Walaupun perkara ini tidak dibuat dalam tempoh yang lama dan berulang-ulang kali, tetapi pengalaman mengendalikan beberapa proses mengutip data seperti ini menunjukkan kepada penyelidik bagaimana huraian yang mendalam daripada perspektif *emic* dapat dibuat melalui temu bual. Semakin banyak temu bual dibuat sama ada formal atau tidak, maka semakin banyak huraian dibuat menepati keadaan sebenar yang diamalkan.



Rajah 4: Peranan teknik temu bual dalam membekalkan data kepada penyelidik.

Rajah 4 di atas menunjukkan bagaimana kuatnya kuasa temu bual dalam menelusuri amalan yang dilakukan oleh peserta kajian melampaui masa dan batasan yang ada. Anak panah yang bergaris dua menunjukkan perhubungan terus di antara penyelidik dengan peserta kajian, rakan sejawat, pelajar dan pemerhatian yang menghasilkan data kualitatif. Manakala anak panah bergaris putus-putus menunjukkan bagaimana penyelidik mendapat data melalui pihak kedua iaitu peserta kajian atau pihak ketiga iaitu rakan sejawat, pelajar dan kesan pemerhatian.

Ini tidak mungkin dapat diperolehi oleh penyelidik dalam masa yang pendek jika penyelidik membataskan pemerhatian dan temu bual bersama peserta kajian sahaja. Tetapi melalui temu bual, peristiwa yang berlaku sejak tiga tahun lepas dapat digambarkan oleh penyelidik melalui penjelasan berulang-ulang kali dalam beberapa versi penerangan oleh peserta kajian sendiri dan personal di sekelilingnya.

Data seperti ini juga dapat dikutip kerana penyelidik selaku instrumen kajian hadir sendiri, memerhati sendiri, menemubual sendiri dan menerokanya sendiri secara realistik dan naturalistik. Penyelidik tidak mungkin mengutip data seperti ini juga hanya mewakili pihak lain atau dengan hanya menggunakan perantaraan kertas soal selidik sahaja.

Dalam kajian bersifat kualitatif ini, kaedah pengutipan data deskriptif melalui temu bual adalah cara yang paling lazim terutamanya dalam kajian yang melibatkan pemerhatian sampel kajian (Bogdan & Biklen, 1992). Dalam kajian ini, kaedah temu bual digunakan bersama-sama dengan pemerhatian amalan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan kaedah ini dianggap sama

pentingnya dengan kaedah pemerhatian. Tanpa penggunaan temu bual, data yang diperoleh dari pemerhatian tidak akan dapat memberi gambaran yang lengkap tentang apa yang diperhatikan.

Melalui temu bual, data yang diperoleh daripada pemerhatian dapat diperkukuh dan diperlengkap. Sesi temu bual yang dijalankan dengan sampel kajian seperti ini khususnya guru juga akan mendapatkan maklumat tentang proses perancangan guru, tahap-tahap soalan yang dikemukakan oleh guru dan kemahiran yang dilatih oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebagaimana yang telah disentuh, dalam kajian ini terdapat dua jenis temu bual yang akan digunakan, iaitu temu bual tidak formal dan temu bual formal berpandu (Merriam, 1990). Menurut Patton (1987) yang dipetik dalam Merriam (1990), temu bual tidak formal adalah temu bual yang mengemukakan soalan-soalan secara spontan dalam aliran interaksi, manakala temu bual formal berpandu mempunyai senarai soalan-soalan atau isu untuk diteroka semasa temu bual dijalankan.

Contoh satu transkrips temu bual formal yang lengkap dan ringkasan temu bual disertakan di dalam apendiks 4.

Bukti Dokumen

Pengumpulan data melalui kaedah ini melibatkan beberapa jenis dokumen khususnya dokumen bentuk bertulis seperti buku rekod mengajar guru, buku teks,

kertas edaran dan sebagainya. Jenis dokumen pertama yang akan digunakan adalah dokumen berbentuk rekod awam (Bogdan & Biklen, 1992) yang lebih merupakan dokumen rasmi sekolah. Dokumen ini akan digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang sekolah, statistik jumlah bilangan guru dan murid secara umum.

Jenis dokumen kedua yang akan diteliti oleh penyelidik adalah dokumen peribadi yang dihasilkan oleh seseorang individu khususnya peserta kajian (Bogdan & Biklen, 1992; Marohaini Yusoff, 1996). Data-data dokumen ini termasuklah rancangan pengajaran guru, langkah-langkah dalam pengajaran guru, lampiran yang disediakan oleh guru, soalan-soalan tambahan yang disediakan oleh guru dan soalan edaran untuk aktiviti latih tubi di dalam bilik darjah.

Bagi kajian ini, penyelidik ada menyediakan beberapa contoh bukti dokumen yang dikutip seperti di dalam apendiks 5.

Kaedah Penganalisan Data

Dalam sebuah kajian kualitatif, proses pengutipan dan analisis data adalah berjalan serentak dan seiring (Merriam, 1990; Mahoraini Yusoff, 2001). Analisis data juga perlu dilihat sebagai suatu proses yang berkait dan berterusan. Oleh itu analisis data semasa proses pengutipan data adalah penting sehinggalah penyelidik sampai ke tahap '*point of saturation data collection*' barulah analisis data selepas pengutipan dilakukan.

Bagi menghasilkan suatu penemuan kajian yang lengkap dan holistik. Merriam (1990) mencadangkan analisis data dijalankan pada dua peringkat iaitu analisis semasa pengutipan data dan analisis selepas pengutipan data yang lebih bersifat intensif dan formal.

Dalam suatu kajian kualitatif, analisis data bermula dengan pemerhatian pertama, temu bual pertama atau dokumen yang dibaca buat kali pertama (Merriam, 1990). Dalam kajian yang akan dijalankan ini, kaedah analisis semasa pengutipan data amat penting kerana penyelidik perlu meneliti proses pengajaran dan pembelajaran guru tersebut melalui pemerhatian pengajaran di dalam kelas, sesi soal jawab yang dijalankan dan bukti dokumen yang diperoleh daripada guru tersebut.

Sebelum itu penyelidik telah merumuskan bagaimana cara peserta kajian ini mendekati pelajar, membimbing dan melakukan aktiviti pentaksiran kepada pelajar-pelajarnya semasa bertugas di sekolah lama. Bentuk yang sama dianalisis dan diperhatikan wujud melalui pemerhatian yang dibuat.

Oleh itu, analisis awal yang dijalankan dapat menentukan dan mencorakkan langkah dan jenis data yang akan dikutip seterusnya. Dalam kajian yang dijalankan ini, beberapa kaedah analisis dan penyaringan data yang dicadangkan oleh Miles & Huberman (1994) digunakan iaitu; (a) membuat ringkasan, (b) membuat catatan refleksif, dan (c) membuat catatan memo (Merriam, 1990, Bogdan & Biklen 1992; Marohaini Yusoff, 1996; 1998).

Bagi tujuan penganalisan data yang intensif pula, beberapa teknik yang dicadangkan oleh Miles & Huberman (1994) sepatutnya digunakan sepenuhnya iaitu;

(a) penyaringan data, (b) pembentangan data, (c) membentuk kesimpulan, dan (d) membuat verifikasi. Teknik penganalisan data seperti ini juga pernah digunakan oleh Marohaini Yusoff (1996) di dalam kajiannya.

Penyaringan data sangat penting dijalankan sepanjang masa pengutipan data dan selepas pengutipan data kerana data-data yang diperoleh dari kajian kualitatif adalah banyak. Teknik penyaringan akan dapat memberi penyelidik fokus kajian khususnya terhadap tiga perkara utama dalam kajian ini, iaitu proses pengajaran dan pentaksiran yang dilakukan oleh guru (peserta kajian), mod-mod amalan atau jenis pentaksiran yang diamalkan, pendekatan serta tujuan pentaksiran yang diamalkan dan bimbingan berterusan yang diberikan kepada pelajar di dalam bilik darjah.

Teknik pembentangan data pula adalah untuk memudahkan penyelidik membuat proses penganalisan data. Teknik ini akan membantu penyelidik membuat perbandingan, kesimpulan dan mengambil tindakan selanjutnya.

Teknik seterusnya yang akan digunakan dalam kajian ini adalah teknik membentuk kesimpulan. Teknik ini penting kerana ia melibatkan proses penyelidik menentukan kriteria atau tema pengajaran guru, membuat hitungan bagi frasa atau kaedah soalan yang digunakan oleh guru, membuat pengelompokan tema, menghitung kekerapan mod amalan pentaksiran yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya lagi.

Teknik terakhir yang akan digunakan dalam penganalisan data secara intensif ini adalah membuat verifikasi. Teknik ini akan dapat memastikan kesahan data yang dikutip dan dikelompokkan berdasarkan kod-kod tertentu. Teknik utama

dalam membuat verifikasi ini adalah menjalankan proses triangulasi terhadap data yang dikutip.

Triangulasi diperoleh melalui kombinasi pelbagai sumber dan teknik dalam pengutipan data seperti temu bual, pemerhatian dan bukti-bukti fizikal seperti bukti dokumen bagi setiap unit kajian kes (Merriam, 1990).

Merriam (1990) turut menegaskan bahawa kepelbagaian sumber data dan teknik pengutipan data yang digunakan dapat menghasilkan evidens yang mantap iaitu menepati tahap kesahan dan kebolehpercayaan data.

Rasional apa yang dinyatakan oleh Merriam (1990) ini juga menurut Yin (1994) amat penting bagi menghasilkan triangulasi data iaitu tahap kredibiliti data yang dikutip. Di samping itu, Yin (1994) juga turut menyarankan tiga prinsip penting dalam proses pengutipan data untuk kajian kes secara kualitatif iaitu: (1) menggunakan pelbagai sumber evidens, (2) menyediakan satu pengkalan data (*database*) kajian kes, dan (3) memastikan kesinambungan evidens yang dikutip. Hasil daripada ini akan membantu penyelidik membuat triangulasi data untuk merumuskan dapatan kajian.

Kesimpulan

Kesimpulannya ialah di dalam kajian ini, penyelidik telah memastikan dengan jelas kenapa pemilihan kaedah kajian kes dibuat serta bagaimana pemilihan tempat kajian, peserta kajian dan tempoh kajian dijalankan. Begitu juga dengan perbagai

kaedah pengutipan data yang dijalankan oleh penyelidik sendiri serta bagaimana analisis semasa dan selepas pengutipan data dilakukan. Akhir sekali penyelidik perlu menganalisis data bagi tujuan membuat triangulasi untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data untuk dibentangkan di dalam bentuk penulisan laporan kajian.